

BAB 6

KESIMPULAN

Daripada kajian yang telah dijalankan didapati bahawa ketiga-tiga novel karya Zaharah Nawawi memang terserlah dengan pelbagai rasa. Rasa yang dimaksudkan ialah rasa kagum, berang, berahi, benci dan duka. Sebenarnya untuk melahirkan keberkesanan 'rasa' atau juga pembawaan perasaan yang benar-benar realiti, seseorang pembaca haruslah merasionalkan dan mengkonkritkan pengalaman estetik melalui proses pengadilan estetik. Melalui proses pengadilan estetik dengan pembacaan novel-novel ini, pembaca akan memperolehi lima ekspresi sastera tersebut. Setiap ekspresi sastera ini mempunyai korelatif objektif yang tertentu dan dikembangkan oleh pengarang melalui teknik penulisannya.¹

Jika diperhalusi didapati rasa-rasa ini sebenarnya dibangkitkan melalui penonjolan watak-watak utama di dalam novel-novel terpilih iaitu *SBMB*, *SDAF* dan *PSSM*. Malah watak-watak yang diketengahkan ini turut mempunyai nilai karismanya yang tersendiri untuk menarik minat pembaca untuk menghayati novel ini. Di samping dapat mewujudkan pengalaman estetik di kalangan pembaca serta dapat mengembangkan watak dan perwatakan mengikut landasan yang dikehendaki oleh pengarang.

Hasil kajian dari penggunaan teori rasa-fenomenologi ini didapati kelima-lima ekspresi sastera tersebut dapat mengemukakan dengan jelas pengalaman estetik dan rasa yang telah diketengahkan. Di samping itu ia juga jelas menggambarkan hubungannya dengan karya kreatif Zaharah Nawawi menerusi pengalaman estetik yang diperoleh dapat dirasionalkan dan dikonkritkan sebagai pengadilan estetik. Maka kelima-lima ekspresi sastera tersebut dapat dilihat oleh Zaharah Nawawi dalam karya kreatifnya.

Zaharah Nawawi telah menggunakan beberapa teknik penulisan untuk mengembangkan korelatif objektif lima ekspresi sastera itu. Di antara teknik yang diketengahkan adalah seperti teknik dialog, naratif, laporan perwatakan, monolog, imbas kembali dan monolog dalaman. Melalui teknik-teknik inilah yang akan memberi kesan kepada pembaca di samping dapat membina imaginasi pembaca. Selain dapat membantu pembaca menghidupkan karya sastera menjadi objek estetik yang bertenaga di dalam minda pembaca. Malah melalui gaya penulisan Zaharah yang banyak terpengaruh dengan gaya kewartawanan ini akan memudahkan lagi pembaca memahami maksud yang ingin di sampaikan oleh beliau kerana gaya penulisannya ringkas dan pendek-pendek serta tidak berbelit-belit.

Dengan huraian tersebut dengan sendirinya wujudlah pelbagai rasa di kalangan pembaca ketika menghayati plot cerita ini seperti rasa-rasa yang telah dianalisiskan dengan terperinci di dalam bab empat dan lima. Rasa-rasa tersebut dapat dibangkitkan oleh pembaca dan pengarang melalui pengadunan serta jalinan watak dan perwatakan utama dan sampingan yang telah

¹ Norhasina Mat Sulong @ Mustofa, 1999/2000. *Teori Rasa-Fenomenologi : Penerapan Terhadap Novel Dedaun Hijau Di Angin Lalu*, Latihan Ilmiah. Jabatan Kesusasteraan Melayu,

ditampilkan dengan begitu kuat serta hebat dan diselang-selikan dengan pelbagai teknik bagi memantapkan penghayatan pembacaan.

Zaharah turut berjaya membentuk novel yang bertenaga melalui teknik penulisannya yang mampu memberi ruang kepada pembaca untuk melakukan proses estetik intertekstual dan proses pengkonkritan estetik. Malah beliau telah memperlihatkan konsistensi dalam menggunakan teknik pemerian latar dan laporan perwatakan yang berhubungan dalam ketiga-tiga buah novel ini. Ini akan mewujudkan kesatuan kepada pembaca untuk merasai kesan penghayatan dan pemupukan pengalaman estetik.

Sebenarnya untuk melahirkan rasa ini pembaca dan pengarang turut memainkan peranan. Peranan yang dimaksudkan di sini ialah pengalaman pembaca dan juga pengalaman pengarang. Pengalaman pembaca sebenarnya berfungsi untuk melahirkan pengalaman estetik agar ekspresi sastera yang diketengahkan dapat dihayati dan diselami oleh pembaca. Manakala pengalaman pengarang pula amat penting untuk merangsang imaginasi minda pembaca untuk melahirkan pengalaman estetik. Justeru melalui adunan kedua-dua pengalaman ini akan terlahirlah pula nilai-nilai estetik, emosi tetap dan emosi pelengkap oleh pembaca dan pengarang untuk melahirkan rasa serta dapat memperjelaskan hubungan antara pengalaman estetik dengan karya sastera secara sistematik, khususnya karya kreatif Zaharah Nawawi menerusi teori rasa-fenomenologi.

Selain itu, melalui teori ini juga secara tidak langsung ia akan menyentuh tentang keindahan. Keindahan adalah milik karya sastra dan bukan milik pembaca. Manakala penelitian tentang falsafah keindahan telah menjadi satu pemangkin untuk penelitian seterusnya yang meliputi karya penulis kontemporari lain dan juga objek seni yang berlainan supaya perbandingan estetika dapat dikemukakan.

Teori rasa-fenomenologi sebenarnya adalah bersifat fleksibel, iaitu mampu ditransformasikan di dalam karya seperti drama, cerpen, puisi dan novel. Malah rasa yang dikemukakan oleh Sohaimi yang sebanyak tujuh konsep rasa iaitu kagum, duka, benci, berang, berahi, wira dan dahsyat adalah hasil daripada kajiannya terhadap novel-novel A. Samad Said seperti novel yang bercorak perang, sajak dan drama. Sebenarnya konsep ini boleh dikurangkan atau dilebihkan mengikut kerelавanan bahan atau teks yang dikaji. Penambahan yang dimaksudkan adalah seperti rasa yang lebih bersifat Islamik iaitu rasa takwa, insaniah, insaf dan sebagainya. Misalnya pengkaji telah menggunakan lima konsep rasa semasa membuat kajian terhadap novel-novel Zaharah.

Lantaran itu, teori ini bolehlah diterapkan di dalam semua genre kesusasteraan sama ada yang bersifat moden, tradisional, kesusasteraan Islam, ketatanegaraan dan sebagainya yang jelas tergambar di bahagian tinjauan awal kajian iaitu dalam bab satu. Ini kerana teori tersebut tidak terikat antara satu sama lain dan ianya boleh digunapakai atau diasimilasikan mengikut kesesuaian kajian; tidak seperti teori-teori lain misalnya teori feminisme, psikoanalisis, mimesis dan sebagainya yang kebanyakannya

diperkenalkan oleh para sarjana Barat kadang kala sukar diterapkan di dalam karya-karya yang bercorak keMelayuan atau keagamaan. Di samping itu, pernyataan seni yang terungkap ke dalam pemikiran Melayu amnya adalah sublimasi sifatnya amat berbeza dengan Barat kerana karya-karya Melayu terhasil daripada persekitaran kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri.

Secara ringkasnya kajian mengenai estetika mula mendapat perhatian banyak pihak khususnya para sarjana sastera. Analisis dan kajian terhadap estetika sebelum ini hanya berlaku di Barat dan dilakukan dalam genre tertentu khususnya drama dan prosa. Oleh itu, kajian ini merupakan lanjutan daripada beberapa kajian terhadap genre novel tetapi dilihat daripada penerapan seni yang berbeza iaitu teori rasa-fenomenologi.²

Malah Sohaimi Abdul Aziz turut menyatakan atau berharap dengan lahirnya satu teori estetik yang baru, iaitu teori rasa-fenomenologi, maka penelitian tentang falsafah keindahan telah mendapat satu pemangkin untuk penelitian seterusnya yang boleh meliputi karya penulis kontemporari lain dan juga objek seni yang berlainan supaya perbandingan estetik dapat dikemukakan.

² Sohaimi Abdul Aziz, *op.cit*, hlm. 302